**TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-48**

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **48.2 (a)** | Minit 47.4 (b) – Mesyuarat meminta semua PTJ membuat semakan melalui PortalCQA bagi mengenalpasti sama ada terdapat penemuan audit yang tiada dalam paparan TWP dan TPAD PTJ dan seterusnya memaklumkan perkara tersebut kepada pihak CQA untuk tindakan selanjutnya. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | Setakat tarikh 14 Disember 2020, maklum balas diterima daripada TPAD FBMK dan iDEC berkenaan terdapat penemuan audit tahun 2020 yang tiada dalam paparan. CQA telah membuat aduan kepada pihak iDEC melalui SPICT. |
| **2.** | **48.3 (e)** | Mesyuarat mencadangkan supaya terjemahan dokumen ISO ini diperluaskan kepada skop peneraju proses lain yang memerlukan. Rentetan daripada itu, pihak CQA akan mendapatkan maklum balas peneraju proses terlebih dahulu dengan keutamaan diberikan ke atas proses yang selalu dirujuk oleh pekerja dan pelajar antarabangsa sebelum kertas cadangan mengenainya disediakan dan dibawa untuk kelulusan Pihak Pengurusan Universiti. | **PKD** | Projek terjemahan dokumen ISO fasa kedua ditangguhkan buat sementara waktu bagi memberi laluan kepada projek dokumentasi berasaskan pengguna (user based documentation). Projek dokumentasi berasaskan pengguna akan dimulakan pada awal Januari 2021 melibatkan peneraju proses skop pengajaran dan pembelajaran. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | **48.4 (d)** | Mesyuarat meminta semua TWP memastikan penemuan audit dalaman PTJ masing-masing didaftarkan ke dalam Portal CQA selewat-lewatnya pada 15 September 2020. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | Penemuan audit dalaman PTJ telah didaftarkan oleh semua Ketua Juruaudit Dalaman PTJ mengikut tempoh yang ditetapkan.<br><br>Seterusnya pihak CQA telah membuat pemakluman melalui emel kepada PTJ untuk mengambil tindakan selewat-lewatnya dalam tempoh 21 hari bekerja atau tarikh yang bersesuaian dengan tindakan dari tarikh emel CQA dikeluarkan. |
| **4.** | **48.4 (e)** | Mesyuarat mengambil maklum tarikh audit SIRIM QMS dan ISMS tahun 2020 yang sebelum ini dijadualkan pada 21 September 2020 hingga 1 Oktober 2020 (QMS) dan 21 hingga 22 September 2020 (ISMS) dan 1 Oktober 2020 telah dipinda ke Penghujung November/Awal Disember dan akan dilaksanakan secara 'Remote Audit'. Tarikh sebenar pelaksanaan akan dimaklumkan kepada semua PTJ selepas pemakluman rasmi diterima daripada pihak SIRIM. Sehubungan dengan itu, semua TWP beserta TPAD PTJ adalah diminta untuk menghadiri Taklimat Pelaksanaan "Remote Audit' oleh pihak Juruaudit SIRIM yang akan diadakan pada 2 September 2020 secara atas talian. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | Taklimat pelaksanaan "Remote Audit' oleh pihak Juruaudit SIRIM telah diadakan pada 2 September 2020 secara atas talian oleh Puan Sazlin SIRIM yang dihadiri oleh semua TWP dan TPAD. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **48.5.1 (b) (iii)** | Mesyuarat meminta peneraju proses yang terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/penambahbahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran bagi memastikan sasaran petunjuk prestasi terlibat dapat dicapai pada penghujung tahun 2020. | **TWP PP PNC, TWP PP SPS, TWP PP Pej. Pendaftar, TWP PP Pej. Bursar, TWP PP CQA, TWP PKKSSAAS, TWP PSAS, TWP TPU, TWP PIU, TWP iDEC, TWP PUPM** | **TWP PP CQA :**<br>tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbaikan bagi sasaran Pelan Peringkat Fungsian dan Aras berkaitan aktiviti pengurusan swaakreditasi telah dikenalpasti bagi memastikan sasaran 2020 adalah tercapai.<br><br>**TWP PP iDEC:**<br>Petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran telah dikenalpasti punca dan telah/akan diambil tindakan.<br><br>**TWP PP PSAS :**<br>Pemantauan berterusan masih diteruskan namun tidak dapat mencapai sasaran juga kerana bahan yang diproses telah pun melebihi tempoh yang ditetapkan. Hanya sebahagian kecil sahaja masih dalam tempoh yang ditetapkan.<br><br>**TWP PP TPU:**<br>Ketakakuran telah dikenalpasti dan tindakan kawalan telah dijalankan bagi Pelan Peringkat Fungsian dan Aras berkaitan aktiviti pengeluaran anak benih tanaman untuk memastikan sasaran tahun 2020 tercapai. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **TWP PP PEJ.NC :** Petunjuk Prestasi bagi Pelan Fungsian dan Aras tahun 2020 akan dinilai pada hujung tahun 2020 dan pelaksanaan tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbaikan akan diambil sekiranya petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran. PTJ yang terlibat adalah Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Bahagian Audit Dalam, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen dan Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.<br>**TWP PP PUPM** Tindakan pemantauan berterusan dilaksanakan dan akan dipastikan petunjuk prestasi Januari – Disember 2020 mencapai sasaran. |
| **6.** | **48.5.1 (b) (iv)** | Mesyuarat bersetuju dengan cadangan untuk menggugurkan petunjuk prestasi "peratusan rawatan pergigian" di bawah objektif kualiti "Rawatan pergigian dapat diselesaikan dalam tempoh 40 minit" atas justifikasi pengukurannya tidak dapat dilakukan dengan tepat disebabkan oleh permasalahan teknikal pada Sistem e-Klinik. Justeru, bagi tujuan penambahbaikan pengukuran tahun 2021, mesyuarat mencadangkan supaya petunjuk prestasi baharu yang akan diwujudkan bagi proses konsultansi pergigian diukur berdasarkan indeks kepuasan pelanggan (skala likert) terhadap kualiti perkhidmatan yang diterima berbanding tempoh masa perkhidmatan pergigian yang digunakan sebelum ini. | **TWP PKU** | Perkhidmatan Pergigian bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan indeks kepuasan pelanggan pergigian sebagai objektif kualiti perkhidmatan pergigian bagi menggantikan objektif kualiti yang lama.<br>Pelaksanaan objektif kualiti baharu akan dilaksanakan bermula Januari 2021 dengan sasaran 75% kepuasan pelanggan. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **48.5.1 (b) (v)** | Mesyuarat bersetuju mengesahkan pencapaian pelan fungsian dan aras bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2020 serta meluluskan cadangan perubahan pelan fungsian dan aras tahun 2020 sepertimana yang dinyatakan dalam **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)** kecuali bagi cadangan perubahan dua (2) petunjuk prestasi berikut:<br><br>(i) sasaran bagi petunjuk prestasi "Mengeluarkan anak benih tanaman" di bawah peneraju proses Taman Pertanian Universiti dikekalkan kepada 15000 bil; dan<br><br>(ii) cadangan perubahan petunjuk prestasi "Pencapaian di dalam Laporan Audit Pengurusan Kewangan (IA) oleh pihak Audit Negara/Bahagian Audit Dalam Universiti" diteliti semula oleh Peneraju Proses Pejabat Bursar secara bersama dengan Pejabat Naib Canselor. | **KB PKP, TWP TPU, TWP Pej. Bursar** | **<u>KB PKP:</u>**<br>Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Januari hingga Jun 2020 yang telah disahkan telah dimuatnaik dalam Portal eISO UPM manakala cadangan perubahan Pelan Fungsian dan Aras tahun 2020 yang diluluskan telah dikemaskini ke dalam Sistem Pelaporan Pelan Fungsian dan Aras (eLPFA).<br><br>**<u>TWP PP TPU:</u>**<br>Pengekalan petunjuk prestasi telah disahkan dalam Mesyurat Pengurusan ke-144 pada 1 Julai 2020.<br><br>**<u>TWP PP Pej. Bursar:</u>**<br>Pejabat Bursar telah mengadakan perbincangan pada 14 Disember 2020 dengan wakil Pejabat Naib Canselor dan Bahagian Audit Dalam yang bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan iaitu Pencapaian di dalam Laporan Audit Pengurusan Kewangan (IA) oleh Jabatan Audit Negara/Bahagian Audit Dalam Universiti dengan sasaran 90% ke atas. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **8.** | **48.5.1 (c) (iv)** | Mesyuarat meminta PTJ yang masih belum menghantar laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 supaya dapat berbuat demikian seberapa segera bagi urusan mengemaskini data. | **TWP PNC, TWP BKU** | **TWP PP BKU:**<br>BKU telah menghantar laporan Pencapaian Piagam Pelanggan bagi tempoh berkenaan.<br><br>**TWP PP PEJ.NC :**<br>Semua pelaporan pencapaian piagam pelanggan PTJ/Entiti telah dihantar kepada Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti secara bulanan iaitu bagi bulan Januari-Jun 2020.<br><br>Bagi Unit Integriti (Nama Baharu: Bahagian Governan dan Integriti), Laporan Piagam Pelanggan disediakan dan laporan berkala telah dihantar mulai Julai 2020. Pemakluman piagam pelanggan telah dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti pada Mesy. JK Kualiti yang lepas. Pemurniaan piagam pelanggan Bahagian akan dilihat semua bagi mengambil kira skop governan. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **48.5.1 (c) (v)** | Mesyuarat turut menyarankan semua PTJ untuk membuat semakan piagam pelanggan di Laman sesawang PTJ masing-masing bagi memastikan ianya adalah terkini sebagai persediaan untuk proses pemantauan oleh pihak Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) pada bulan Ogos 2020. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | **TWP CQA:**<br>Piagam Pelanggan CQA adalah terkini sebagaimana dipapar pada laman sesawang PTJ.<br><br>**TWP PP iDEC :**<br>Piagam pelanggan iDEC adalah yang terkini.<br><br>**TWP ITAFoS :**<br>Telah disemak.<br><br>**TWP PP Pej. Bursar:**<br>Piagam Pelanggan Pejabat Bursar adalah terkini sebagaimana dipapar pada laman sesawang PTJ.<br><br>**TWP FPSK:**<br>Mengambil maklum dan telah mengambil tindakan.<br><br>**TWP PP PEJ.NC :**<br>**PNC, Bahagian Audit Dalam, WAZAN, PSPK:** Piagam Pelanggan dipaparkan di laman sesawang PTJ dan terkini. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **PPKKP:** telah mengemaskini Piagam Pelanggan Tahun 2020 dan dalam proses untuk dimuat naik ke Laman Sesawang PPKKP.<br><br>**TWP FK:**<br>Di bawah peneraju proses.<br><br>**TWP SPE:**<br>Selesai. SPE menggunakan link terus ke portal peneraju proses.<br><br>**TWP PP TNCJINM**<br>Piagam Pelanggan Pejabat TNCJINM adalah terkini sebagaimana dipapar pada laman sesawang PTJ.<br><br>**TWP IPPH:**<br>Telah dilaksanakan. |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td>10.</td><td>48.6 (b)</td><td>Mesyuarat mengambil perhatian bahawa soal selidik pihak berkepentingan QMS tahun 2020 perlu dilaksanakan oleh peneraju terlibat bermula Mac hingga Oktober 2020 melibatkan skop dan kategori responden seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Skop</th><th>Kategori Responen</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pengajaran dan Pembelajaran</td><td>i. Bakal Pelajar<br>ii. Pelajar Tahun 2<br>iii. Penaja</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Penyelidikan dan Inovasi</td><td>i. Penyelidik<br>ii. Industri</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Jaringan Industri dan Masyarakat</td><td>i. Komuniti<br>ii. Pekerja<br>iii. Industri</td></tr>
</table>
</td><td>TWP TNCAA,<br>TWP TNCPI,<br>TWP TNC JIM</td><td><u>TWP PP TNCPI :</u><br>Maklum balas responden serta data bagi penyelidik dan industri telah dihantar ke Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) pada 1 Disember 2020.<br><br><u>TWP PP TNCJINM :</u><br>Soal selidik pihak berkepentingan QMS tahun 2020 bagi skop JINM telah selesai dilaksanakan dan maklumat telah dikemukakan kepada pihak PSPK pada awal Nov. 2020.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>Secara ringkasnya:<br><br>
<table>
<tr><th>BIL</th><th>KAJIAN KEPUASAN</th><th>JUMLAH RESPONDEN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Skop Pengajaran dan Pembelajaran</td><td>Bakal Pelajar: 0 (tiada program promosi dijalankan)<br><br>Pelajar Tahun 2: 728<br><br>Penaja: 19</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Skop Penyelidikan dan Inovasi</td><td>Penyelidik: 26<br><br>Industri: 10</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Skop Jaringan Industri dan Masyarakat</td><td>Komuniti: 40<br><br>Pekerja: 153<br><br>Industri: 57</td></tr>
</table>
Laporan analisis soal selidik pihak berkepentingan QMS 2020 akan dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pada bulan Februari 2021.</td></tr>
</table>

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **11.** | **48.6 (c)** | Mesyuarat turut mengambil perhatian soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2020 yang sedang/akan dilaksana melalui kaedah berikut:<br><br>(i) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Pertama Sesi 2020/2021 yang sedang berjalan bermula 15 hingga 26 Julai 2020; dan<br><br>(ii) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi 2020/2021 yang akan dilaksana pada 10 hingga 11 Oktober 2020. | **TWP CADe, TWP TNC HEPA** | Soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2020 telah dilaksanakan seperti berikut:<br><br>1) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah pada 10 – 20 November 2020; dan<br><br>2) Soal Selidik Penilaian Pengajaran Pensyarah pada 15 – 26 Julai 2020.<br><br>Laporan analisis soal selidik pihak berkepentingan ISMS 2020 akan dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pada bulan Februari 2021. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **12.** | **48.7 (c)** | Mesyuarat meminta PTJ melaksanakan semakan semula penilaian risiko operasi QMS tahun 2020 bermula 3 Ogos hingga 15 September 2020 merangkumi semakan semula penyataan isu dalaman/isu luaran dan risiko serta penilaian awal risiko tahun 2020 menggunakan templat e-OPRISK yang terkini yang akan dimuatnaik dalam portal eISO. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | Semua 71 PTJ (100%) telah melengkapkan penilaian risiko operasi tahun 2020 menggunkan template e-OPRISK.<br><br>Pelaporan setiap PTJ telah dimuatnaik dalam Portal eISO untuk rujukan semua. |
| **13.** | **48.8 (e)** | Mesyuarat meminta bantuan semua TWP untuk turut sama membuat peringatan kepada semua penyelia bagi melaksanakan penilaian keberkesanan latihan yang dihadiri oleh pekerja dibawah seliaan mereka bagi membolehkan pihak peneraju latihan membuat analisis keberkesanan latihan Universiti secara lebih menyeluruh. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | **<u>TWP CQA:</u>**<br>CQA selaku Pelaksana Latihan Kualiti UPM telah melaksanakan penilaian keberkesanan latihan bagi latihan yang dianjurkan oleh CQA di peringkat PTJ dan UPM.<br><br>**<u>TWP ITAFoS :</u>**<br>Tindakan telah diambil.<br><br>**<u>TWP PP PEJ.NC :</u>**<br>Pemakluman berkenaan penilaian keberkesanan latihan yang dihadiri oleh pekerja diterima dan dinilai oleh Penyelia melalui emel rasmi UPM. Semua TPLS berperanan untuk membuat semakan melalui sistem e-Latihan berkenaan penilaian yang dibuat. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **TWP FK :**<br>Pemantauan akan dibuat secara menyeluruh dengan mewujudkan senarai semak.<br><br>**TWP SPE:**<br>Hebahan telah dibuat kepada semua penyelia di SPE pada 24 November 2020.<br><br>**TWP IPPH:**<br>Telah diambil tindakan. |
| **14.** | **48.9 (c)** | Mesyuarat meminta semua TWP mengambil perhatian berhubung perkara berikut:<br><br>(i) merujuk Laman Web Pejabat Pendaftar untuk memuat turun klasifikasi fail UPM yang terkini termasuk format penulisan nombor fail; dan<br><br>(ii) menggunakan kod klasifikasi fail UPM yang terkini dalam urusan surat menyurat dan mengemaskini prosedur pada bahagian rekod supaya selaras dengan klasifikasi fail terkini. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | **TWP CQA :**<br>Tindakan bagi perkara (i) & (ii) telah dilaksanakan dengan penyelarasan oleh PRJ PTJ di CQA.<br><br>**TWP ITAFoS :**<br>Dalam proses menyemak dan menyelaraskan penggunaan Kod Klasifikasi fail UPM yang terkini.<br><br>**TWP FPSK:**<br>Mengambil maklum dan telah mengambil tindakan.<br><br>**TWP PP PEJ. NC:**<br>**PNC:** Penggunaan kod klasifikasi fail UPM dalam urusan surat menyurat sedang dilaksanakan secara berperingkat iaitu fokus kepada surat menyurat/rekod perkhidmatan utama PTJ. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Bengkel pengemaskinian kod fail dalam prosedur pada Bahagian Rekod Kualiti akan dilaksanakan dan di bawa untuk Cadangan Pindaan Dokumen (CPD) pada tahun 2021 berpandukan Takwim CPD yang disediakan oleh pihak Pusat Jaminan Kualiti.<br><br>**PSPK:** Dalam proses kemaskini dengan mengambilkira pertukaran nama baharu kepada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat berkuatkuasa 1 Disember 2020 dengan cadangan pindaan dokumen berdasarkan takwin CPD dari Pusat Jaminan Kualiti.<br><br>**Bahagian Audit Dalam:** Kod klasifikasi fail terkini telah dikemaskini hanya format penulisan nombor fail dalam proses dan dijangka siap sebelum 31 Disember 2020. Pengemaskinian prosedur Audit Dalam pada Bahagian Rekod Kualiti dilaksanakan pada tarikh yang ditetapkan oleh PNC. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **WAZAN:** Penggunaan kod klasifikasi fail UPM sedang dilaksanakan secara berperingkat sebanyak 30%melibatkan surat menyurat perkhidmatan PTJ.<br>Bengkel pengemaskinian fail dan rekod akan diadakan bagi memastikan semua staf diberi pendedahan berkaitan penyelenggaraan rekod di pejabat.<br>**PPKKP**: telah menggunakan format penulisan fail bagi semua fail surat menyurat PTJ yang baharu dibuka.<br>**TWP PP PEJ. TNCJINM:**<br>Pegawai PRJ JINM telah mengambil tindakan memaklumkan kepada semua staf berkenaan pelaksanaan kod klasifikasi fail dan surat menyurat.<br>**TWP SPE:**<br>Selesai. Semua perubahan disimpan dan dikemaskini dalam fail kawalan dokumen.<br>**TWP IPPH:**<br>Telah ambil tindakan. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **15.** | **48.9 (d)** | Mesyuarat dimaklumkan Pejabat Pendaftar akan memantau PTJ yang masih belum menggunakan kod klasifikasi fail UPM yang terkini dan pelaporan mengenainya akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti akan datang. | **PRJU** | Terdapat dua PTJ yang masih belum menggunakan klasifikasi fail Universiti Putra Malaysia. Walau bagaimanapun PTJ tersebut dalam proses penyelarasan bagi penggunaan koding fail yang baharu.<br><br>**Laporan Pengurusan Rekod Universiti** akan dibentangkan sebagaimana pada **Agenda 10.** |
| **16.** | **48.10.2 (d)** | Mesyuarat meminta semua PTJ merujuk kepada Panduan EKSA yang telah dibangunkan bagi memastikan proses dan tindakan yang perlu dilaksana untuk peralihan Amalan 5S kepada EKSA pada tahun 2021 di PTJ masing-masing dapat berjalan lancar. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** | **TWP CQA :**<br>Tindakan telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat sebagaimana Panduan EKSA berkenaan dengan penyelarasan oleh Penyelaras EKSA PTJ di CQA.<br><br>**TWP PP iDEC:**<br>Mesyuarat pertama oleh JK EKSA di peringkat iDEC telah diadakan pada 21 September 2020.<br><br>**TWP ITAFoS :**<br>Dalam tindakan.<br><br>**TWP FPSK :**<br>Mengambil maklum dan sedang mengambil tindakan. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **TWP PP PEJ. NC:**<br>**PNC & Unit Integriti:** telah melaksanakan EKSA mulai tahun 2019.<br><br>**Bahagian Audit Dalam**: Telah dilaksanakan mulai tahun 2020.<br><br>**PSPK**: Mesyuarat EKSA Bil 2/2020 telah dilaksakan pada 25 September 2020/9pagi. Surat lantikan Jawatankuasa baharu telah dikeluarkan dengan lantikan tempoh selama 2 tahun bermula 1 Oktober 2020-1 Oktober 2022.<br><br>**PPKKP:** telah bergerak ke arah EKSA bermula pada 19 Ogos 2020 melalui mesyuarat Jkuasa EKSA PPKKP Bil. 2/2020<br><br>**WAZAN:** akan mula melaksanakan EKSA pada tahun 2021 memandangkan WAZAN telah berpindah ke pejabat baru pada 1 Oktober 2020.<br><br>**TWP FK**<br>PTJ akan ambil tindakan dan pelaksanaan pada tahun 2021. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **TWP PP PEJ. TNCJINM:**<br>Jawatankuasa EKSA JINM telah ditubuhkan untuk tujuan pelaksanaan peralihan 5S kepada EKSA.<br><br>**TWP SPE:**<br>Pelaksanaan EKSA di SPE adalah berdasarkan Panduan EKSA sedia ada.<br><br>**TWP IPPH:**<br>Sedang dalam tindakan. |